

Najib Sampaikan Jalur Gemilang Kepada Pasukan 1MWER Sebagai Tanda Penghargaan

Bernama

Jun 21, 2014

MELAKA, 21 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari Sabtu menyampaikan Jalur Gemilang kepada peserta 1Malaysia World Endurance Ride (1MWER) sebagai simbol penghargaan beliau atas kejayaan mereka menyempurnakan ekspedisi bermotosikal ke seluruh dunia bagi mempromosikan Kesederhanaan Global Untuk Keamanan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini.

Najib, yang juga penaung projek anjuran Yayasan Wangsa Perdana itu, menyampaikan bendera berkenaan kepada ketua pasukan Datuk Zamri Mohamed.

Perdana Menteri amat komited dalam mempromosikan kesederhanaan sebagai pendekatan penting dalam memupuk keharmonian dan persefahaman dalam kalangan masyarakat pelbagai kepercayaan dan budaya.

Pasukan kembara lasak motosikal berkuasa tinggi itu, yang dianggotai Zamri, Mohamad Faizal dan Rosmadi Saad, membuat perjalanan tanpa henti selama kira-kira setahun dan merentasi 41 negara sebelum tiba di Malaysia semalam.

"Syukur Alhamdulillah, kami berjaya menyempurnakan misi ini, walaupun terpaksa mengharungi pelbagai rintangan, demi memartabatkan dan mengharumkan nama negara tercinta ini," kata Zamri kepada pemberita.

Najib secara rasmi melepaskan Fasa 2 IMER di London pada 30 Okt tahun lepas sebelum pasukan itu menuju ke Buenos Aires, Argentina untuk menjelajah Amerika Selatan, Amerika Utara dan menyempurnakan misinya dengan tiba di Malaysia melalui Singapura.

Dalam Fasa 1 IMER, pasukan itu meredah 28 negara melalui perjalanan penuh mencabar selama 130 hari untuk meliputi Asia Tenggara, Asia, Rusia dan Eropah.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1048194>